

# Islam Di Antara Kejahilan Pemeluknya Dan Kelemahan Ulamanya

(Bahagian Terakhir)

Perbuatan-perbuatan munkar dan maksiat di dalam negara-negara Islam semakin bermaharajalela dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Kedai-kedai arak dan kelab-kelab malam dibuka dengan seluas-luasnya, maruah kehormatan kaum wanita Islam dijual beli dengan harga yang semurah-murahnya, rakyat mengerjakan perbuatan-perbuatan yang yang<sup>1</sup> dilarang Allah secara terang-terangan, tidak ada malu-malu dan segan-segan lagi. Para alim ulama yang menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri segala perbuatan-perbuatan maksiat dan munkar itu dilakukan masih lagi bersikap membisu seribu bahasa atau memada dengan hanya menggeleng-gelengkan kepala sahaja.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

(XV)

## Tanggungjawab Para Ulama Islam:

Para ulama Islam juga tidak terlepas daripada tanggungjawab yang besar ini. Mereka dipertanggungjawabkan menanggung bebanan dari segala apa yang berlaku di atas agama Islam dan pemeluk-pemeluknya pada hari ini, mereka menanggung bebanan yang telah diperlakukan oleh kaum *imperialist* dan penjajah ke atas umat-umat Islam, mereka menanggung bebanan di atas kecuai-an-kecuai-an yang dilakukan oleh pegawai-pegawai tertinggi pemerintah terhadap kerajaan Islam, seterusnya mereka dipertanggungjawabkan memikul bebanan orang-orang Muslimin yang lalai dan tidak menunaikan perintah-perintah Islam (dengan sebab kurangnya pengajaran-pengajaran agama yang diberikan kepada mereka oleh para ulama Islam – P).

Para ulama Islam mengetahui segala-galanya ini, tetapi mereka hanya mendiamkan diri, mereka bekerjasama dengan kaum penjajah yang sentiasa berusaha untuk campur tangan di dalam urusan mengenai hukum-hukum Islam, mereka sering kali memihak kepada

pemerintahan Islam yang meringan-ringankan dan tidak mahu syariat Islam dijadikan asas undang-undang negara, mereka jugalah yang membiarkan seumum kaum Muslimin tinggal di alam kejahilan, jahil terhadap hukum-hukum agama yang mereka anuti dan jahil terhadap tujuan-tujuan agama Islam diturunkan kepada sekalian manusia.

Dengan ini bererti bahawa para ulama Islam telah memisahkan di antara orang-orang Muslimin dengan agama mereka, lantaran mereka (para ulama) tidak mahu menerangkan kepada mereka akan perbezaan di antara dasar hukum-hukum Islam di dalam pemerintahan penjajah dengan dasar hukum-hukum Islam di dalam pemerintahan Islam sendiri, hingga menyebabkan sebahagian besar daripada umat Islam yang jahil dengan syariat yang mereka anuti menyeleweng daripada dasar hukum-hukum Islam, mereka lebih taat kepada pemerintah-pemerintah Islam yang bekerjasama dengan pemerintah-pemerintah penjajah yang mencampur adukkan di antara hukum-hukum ciptaan manusia dengan hukum-hukum yang diturunkan Allah: kalau beginilah terus-

menerus sikap para ulama Islam yang hanya mendiamkan diri melihat segala kemunkaran yang berlaku di hadapan mata mereka, maka akan hancurlah Islam, akan hanyutlah penganut-penganut Islam dibawa oleh arus tamadun Barat. Yang semakin sehari semakin hebat menyeludupi jiwa kaum Muslimin dan masyarakat Islam, lantaran seumum pemeluk-pemeluk Islam yang tipis pengetahuan mereka di dalam perkara agama akan terus menyangka bahawa segala perbuatan-perbuatan munkar yang tidak diendahkan oleh para ulama Islam itu, adalah suatu perbuatan yang tidak pula ditegah oleh Islam dan ia juga seolah-olah suatu perbuatan yang diredai Allah.

Sesungguhnya para ulama Islam di hari ini telah mengejamkan mata, membisukan mulut dan memekakkan telinga mereka daripada melihat, memperkata dan mendengar segala sesuatu yang berlaku di hadapan mata mereka, sebenarnya mereka telah tidur (seperti tidurnya pemuda-pemuda penghuni gua di zaman Raja Diqiyanus – P.). Apabila mereka

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan 'yang' di dalam teks asal.

## Islam Di Antara Kejahilan...

terjaga selepas beberapa abad mereka dapati orang-orang Muslimin yang bersama-sama dengan mereka masih lagi tertidur dengan nyenyaknya. Mereka (orang-orang Muslimin) menyangka bahawa agama Islam selamanya di dalam keadaan aman dan tenteram, kalau tidak tentulah para ulamanya tidak akan tidur bersama-sama dengan mereka.

Sungguh benar, bahawa para ulama Islam telah tertidur di beberapa abad lamanya, hingga sekarang mereka masih belum bangun. Jiwa mereka mati, anggota mereka keras beku mereka tak mahu bergerak untuk menentang sesuatu yang menyalahi Islam, mereka tak mahu bertindak memberhentikan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam, mereka tidak pernah mengadakan sesuatu sidang kemuncak para ulama seluruh dunia Islam untuk berusaha mengembalikan hukum-hukum Islam supaya dapat dikuatkuasakan semula penglaksanaannya ke seantero alam Islam.

Pegawai-pegawai tertinggi di dalam pemerintahan negara-negara Islam banyak yang melakukan kezaliman, melanggar larangan, menumpahkan darah, menodai kehormatan diri, melakukan kerosakan di atas muka bumi dan melampaui batasan yang dibenarkan Allah. Tetapi para ulama masih tidak merubah sikap, mereka masih tetap mendiamkan diri, membisu seribu bahasa. Mereka tidak mahu bertindak membanteras kezaliman, tidak mahu bergerak menentang kemunkaran, seolah-olah mereka tidak mempunyai tanggungjawab di dalam perkara seperti ini, seolah-olah *amar ma'rūf* dan *nahī munkar* itu bukan kewajipan mereka. Mereka tidak mahu

menasihati pembesar-pembesar negara yang melakukan perbuatan-perbuatan zalim dan munkar dengan meminta supaya mereka sorot kembali kepada ajaran-ajaran agama suci yang mereka anuti.

Kaum *imperialist* telah menjajah dan menindas beberapa banyak negara-negara Islam, tetapi para ulama Islam tak ada yang naik darah, mereka tidak mahu bangkit bergerak menggembelng semangat jihad dengan menerangkan kepada pelemuk-pelemuk<sup>2</sup> Islam tentang hukum-hukum jihad terhadap kaum penjajah sebagaimana terkandung di dalam al-Qur'ān dan *al-sunnah*. Mereka harus diberi penerangan, bila kita wajib menentang kaum penjajah, di dalam keadaan bagaimana kita harus berbaik-baik dengan mereka, namun untuk tunduk menyerah di bawah telunjuk dan kekuasaan mereka tidak ada kemungkinan sama sekali di dalam Islam.

Kadangkala ada juga sebahagian daripada para ulama Islam yang menentang kaum *imperialist*, tetapi dalam masa yang lain mereka juga bermuka-muka dengan musuh-musuh Islam, mereka gunakan bangunan-bangunan kedutaan asing dijadikan tempat mengadakan perayaan-perayaan memperingati hari-hari kebesaran Islam.

Kembali kita mengatakan bahawa hukum-hukum yang sumbernya diambil daripada undang-undang Barat telah dipraktikkan di dalam kebanyakan negara-negara Islam pada hari ini, sedang semua orang tahu bahawa undang-undang Barat itu adalah bertentangan dengan hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat Islam. Mempraktikkan undang-undang Barat di dalam negeri-negeri Islam itu bererti mengganggu kekuasaan undang-undang Islam, mengharuskan apa yang diharamkan Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkannya, bukankah ini akan

menghancurkan Islam? Mengapakah para ulama Islam di hari ini tidak merasa bersusah hati di atas kehancuran masa depan Islam? Mengapakah mereka masih tidak mahu sedar kepada masa depan mereka? Sedangkan makan minum, pakaian dan seluruh kehidupan mereka bergantung kepada Islam. Mengapa mereka masih tidak mahu bergerak mengadakan satu *conference* atau sidang kemuncak para ulama dari seluruh dunia Islam untuk memperbincangkan masa depan mereka dan masa depan Islam? Mengapa . . . dan mengapa semuanya ini tidak mereka fikirkan???

Perbuatan-perbuatan munkar dan maksiat di dalam negara-negara Islam semakin bermaharajalela dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Kedai-kedai arak dan kelab-kelab malam dibuka dengan seluas-luasnya. Rakyat-rakyat mengerjakan perbuatan-perbuatan yang dilarang Allah dengan secara terang-terangan, tidak ada malu-malu dan segan lagi. Para alim ulama yang menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri segala perbuatan-perbuatan maksiat dan munkar itu masih lagi bersikap membisu seribu bahasa memada dengan hanya menggeleng-gelengkan kepala sahaja.

Sekolah-sekolah moden di merata-rata negeri Islam semakin banyak didirikan, di dalam sekolah-sekolah tersebut mata pelajaran agama Islam tidak diadakan sama sekali. Para ulama Islamlah orang yang mula-mula menyokong pembentukan sekolah-sekolah yang bercorak moden ini dengan berlumba-lumba memasukkan anak-anak mereka belajar di dalamnya. Di samping sekolah-sekolah moden itu didirikan pula sekolah-sekolah *missionary* yang bertujuan memperkembangkan ajaran-ajaran agama

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah pemeluk-pemeluk.

## Islam Di Antara Kejahilan

Kristian dan memesongkan iktikad kepercayaan kanak-kanak Islam dari agama mereka. Di sekolah-sekolah ini pun berlumba-lumba para alim ulama Islam memasukkan anak-anak mereka belajar dengan tujuan untuk memahirkan anak-anak itu bertukar di dalam bahasa Barat kononnya, padahal di dalam sekolah itu ada diajar cara-cara tarian Barat dan iktikad agama Kristian.

Ketika kerajaan menghadapi sesuatu krisis hukum, pembesar-pembesar negara pergi menemui para ulama yang diberi gaji itu. Mereka lantas mengeluarkan fatwa-fatwa yang menyeru rakyat Islam di dalam negeri itu supaya mentaati kerajaan, sedangkan undang-undang yang berjalan di dalam negeri itu mengharuskan minum arak, melakukan zina dan memakan riba (wang bunga), dan pembesar-pembesar negara yang ditaati itu bergelimang dengan dosa-dosa maksiat dan fasik. Kerajaan yang ditaati itu terang-terangan berani menukarkan hukum-hukum Islam yang sumber terbitnya dari kemahuan hawa nafsu manusia yang bertanggungjawab mengendalikan teraju pemerintahan di dalam kerajaan itu.

Sampai begitu sekali kepincangan yang dihadapi oleh masyarakat kaum Muslimin yang tinggal bernaung di bawah negara-negara Islam, sehingga ada di antara mereka yang menyangka bahawa kepincangan masyarakat, kefasikan dan kemunkaran itu adalah daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Dengan hal yang demikian semakin berkembanglah perbuatan-perbuatan fasik, maksiat dan munkar di merata-rata

negeri Islam, akibatnya gugurlah kemuliaan, ternodalah kehormatan dan runtuhlah moral (akhlak) pemuda-pemudi Islam yang selama ini merekalah yang diharapkan untuk membela kejatuhan Islam dan mengembalikan zamannya ke puncak kemuliaan. Semuanya ini adalah akibat daripada kelalaian para ulama Islam yang tidak mahu berjuang menegakkan hukum-hukum al-Qur'ān di dalam negara-negara Islam.

Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ada mengatakan: “Para ulama itu adalah waris para *anbiyā’*”. Kalau sudah demikian Nabi meletakkan darjat yang sebegitu tinggi kepada para ulama. tidaklah patut mereka mencuaikan tanggungjawab mereka sebagai waris para *anbiyā’*. (Erti waris itu ialah orang yang menerima segala sesuatu yang ditinggalkan oleh orang yang telah wafat – P.). Islam telah mewajibkan para ulama menjalankan urusan “*amar ma ‘rūf* dan *nahī ‘an munkar*” adakah seumum para ulama Islam di hari ini telah menunaikan kewajipan yang besar ini?

Tetapi pada masa-masa akhir ini, Allah *Subḥānahu wa Ta ‘ālā* telah membukakan pintu-pintu hati para ulama Mesir, pada masa-masa yang akhir ini mereka telah mulai berani bercakap, mereka berkumpul dan berpidato, sungguh luar biasa sekali sikap dan gerak-geri mereka itu, mereka menyeru rakyat supaya mogok dan berontak, mereka menyeru seluruh kaum Muslimin bergerak. Tetapi dapatkah saudara-saudara mengagak... adakah semuanya ini mereka lakukan kerana kepentingan Islam atau untuk

menegakkan hukum-hukum Islam? Demi Allah tidak sekali-kali! Jauh dari itu. Mereka berontak, memekik dan menjerit atas nama agama kerana tujuan yang lain, kerana gaji, kerana elauns, kerana mencari wang ringgit dan kerana mengejar pangkat kebesaran. Mereka disuruh mengadakan sesuatu perkumpulan, mereka diperintahkan bercakap dengan menghiasi kata-kata mereka itu dengan ayat-ayat al-Qur'ān dan al-ḥadīth. (Setelah diupah dan disumbat saku-saku mereka dengan wang emas dan perak yang berkilau-kilauan, demi untuk menjalankan dakyah sesuatu parti politik yang ingin mencapai kemenangan di dalam sesuatu pilihan raya – P.).

Semuanya ini mereka lakukan semata-mata untuk kepentingan diri mereka, untuk menjaga kemuslihan diri mereka, bukan pula untuk kepentingan Islam, seolah-olah Islam itu lebih hina daripada diri mereka dan seolah-olah kehormatan Islam itu lebih rendah daripada kehormatan mereka. Yang sangat mendukacitakan bahawa ada segolongan para ulama (mata duitan – P.), yang mengadakan perkumpulan-perkumpulan itu di dalam pidato-pidato mereka menyentuh tentang kemuliaan Islam. Kadangkala ditentanginya hukum-hukum Islam yang dipandanginya berlawanan dengan kehendak politik orang-orang yang mengupahnya berpidato (dengan cara memutar belit, mentakwil dan memesongkan erti-erti sesuatu ayat yang dibacanya daripada tujuannya yang sebenar-benarnya – P.). Seolah-olah bekerja untuk kepentingan Islam itu adalah suatu pekerjaan munkar di dalam pandangan para ulama mata duitan itu.

## Islam Di Antara Kejahilan

### Seruan

Wahai para ulama Islam!

Takutilah kamu akan Allah demi untuk kepentingan diri kamu dan kepentingan Islam.

Wahai para ulama Islam! Kamu tidak akan jadi terhina dengan sebab kamu menentang pemerintah dan pegawai-pegawai tinggi yang fasik dan zalim, tetapi kamu akan jadi terhina dengan sebab menentang Islam dan syariatnya.

Wahai para ulama Islam!

Ketahuiilah oleh kamu, bahawa kemuliaan kamu itu adalah daripada kemuliaan Islam dan kekuatan kamu itu adalah daripada kekuatan Islam. Kalau kamu mahukan kemuliaan dan kekuatan itu kembali ke tangan kamu, maka bekerjalah untuk kemuliaan dan kekuatan Islam. Kerana perhubungan di antara kamu dengan Islam adalah tersangat rapat bak kuku dengan isi tak boleh dipisah-pisahkan.

Wahai para ulama Islam!

Perbuatan kamu mengelukan lidah daripada ~~mempakakan yang benar-benar tentang hukum-hukum~~ Allah dan mengejamkan mata kamu di hadapan musuh-musuh Allah sehingga kehormatan agama Allah ternoda, maka itu bukanlah daripada perbuatan-perbuatan yang patut dilakukan oleh orang-orang Islam.

Wahai para ulama Islam! Islam tidak menggalakkan kamu berdiri berjambak-jambak hanya memberikan pengajaran-pengajaran dan menasihati orang ramai supaya mereka mengerjakan ibadah dan memperbaiki akhlak (budi pekerti), sedang mereka kamu biarkan hidup

di alam kejahilan, jahil tentang perkara-perkara syariat Islam, jahil tentang masyarakat, ekonomi dan pergaulan menghadapi lawan dan kawan Islam.

Wahai para ulama Islam!

Kewajipan kamu adalah memberi pengajaran kepada orang-orang yang tidak memahami hukum-hukum yang bersangkutan dengan Islam. Mengapa kamu masih berpeluk tubuh tidak mahu bergerak menjalankan tugas kamu itu? Mengapa kamu tidak mahu memberikan penerangan-penerangan yang seluas-luasnya kepada orang ramai tentang hukum-hukum penjajahan di dalam Islam, pembalasan terhadap orang-orang yang bekerjasama dengannya dan ganjaran yang diberikan kepada orang-orang yang berjuang menghapuskan kaum penjajah dan menjauhkan diri daripadanya.

Mengapa kamu masih berasa ragu-ragu menerangkan kepada orang ramai berkenaan hukum-hukum Islam yang bertentangan dengan undang-undang negeri yang diciptakan oleh fikiran manusia-manusia dari benua Barat? Adakah Islam mewajibkan mesti taat kepada undang-undang ciptaan mereka itu, ataupun Islam mewajibkan supaya sekalian kaum Muslimin menentanginya?

Mengapa kamu tidak mahu menerangkan dengan tegas kepada orang ramai tentang hukum-hukum Islam yang bersangkutan dengan kewangan, hukum menggelapkan harta benda rakyat dan monopolinya, disertakan dengan pendapat-pendapat yang sesuai dengan pembangunan ekonomi negara-negara Islam?

Mengapa kamu tidak mahu menjelaskan kepada orang ramai tentang hukum-hukum yang mengenai penindasan-penindasan yang sering kali dilakukan oleh para

hartawan dan jutawan terhadap rakyat jembel yang hidup miskin dan papa?

Mengapa kamu tidak memberikan penerangan yang cukup kepada orang ramai tentang hukum yang dikenakan ke atas orang-orang yang menentang syariat Islam dan Islam menyuruh memerangi orang-orang yang cuba hendak mencerobohi kesucian Islam?

Mengapa kamu tidak terangkan kepada orang ramai bahawa sikap dan kelakuan mereka sehari-hari banyak yang menyalahi adat dan peraturan-peraturan Islam. Hal yang demikian itu patutkah didiamkan sahaja ataupun wajib dibasmi dan dihancurkan?

Mengapa ketika kamu memberi nasihat tidak dijelaskan dengan secara berterus terang tentang hukum-hukum Islam yang wajib ditaati oleh orang-orang Islam, yang wajib dilaksanakan oleh negara-negara Islam? Adakah nasihat-nasihat yang diberikan itu hanya memada dengan sepintas lalu ataupun wajib diulang-ulangi dari suatu masa ke satu masa? (Sehingga tertanam semangat kesedaran di jiwa setiap orang Muslim – P).

Kepada orang-orang Islam yang *opportunist*, orang-orang Islam yang mementingkan kesenangan diri mereka, orang-orang Islam yang enggan berjuang untuk kepentingan Islam, mengapa tidak diterangkan kepada mereka hukum-hukum Islam yang mengutukkan sikap dan perbuatan mereka itu?

Wahai para ulama! Saya sekali-sekali tidak menafikan akan wujudnya sebilangan kecil daripada kamu yang



## Islam Di Antara Kejahilan

beramal dengan perjalanan kitab Allah dan menjalankan segala hukum yang terkandung di dalamnya. Ada di antara kamu satu golongan yang berusaha kuat dengan mengorbankan tenaga dan jiwa raga kamu di jalan Allah untuk menegakkan hukum al-Qur'ān, usaha-usaha suci yang dilancarkan oleh golongan ini mendapat penghargaan yang tinggi dari Allah. Tetapi alangkah sedihnya, bilangan golongan ini tersangat kecil, usaha-usaha suci mereka tenggelam di bawah gelombang maksiat dan kefasikan yang dilakukan oleh golongan ulama fasad yang lebih besar bilangannya. Tetapi walau bagaimanapun sekalipun jiwa dan peribadi mereka tidak akan jatuh terhina di lembah dosa yang kamu lakukan itu, mereka tetap selamanya berjuang menegakkan agama Allah dengan hati tabah yang diseliputi oleh semangat waja.

Wahai para ulama! Contohilah golongan ulama salih yang kecil bilangannya ini, ikutilah perjalanan mereka. Bekerja dan berusahalah demi untuk kepentingan Islam, sesungguhnya masa kamu berpeluk tubuh sudah sangat lama. Inilah satu-satunya jalan buat kamu mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Inilah satu-satu usaha suci buat kamu menegakkan *kalimatu Allāhi hiya al-'ulyā*.

Wahai para ulama Islam! Sesungguhnya keaipan<sup>3</sup> besar yang didapati di dalam negara-negara Islam ialah kejahilan pembesar-pembesarnya dan kejahilan rakyat jelata daripada golongan kaum Muslimin tentang hukum-hukum Islam. Tiada



Al-Ustādh Abdul Qadir Audah: Pengarang buku "*Islam Di Antara Kejahilan Pemeluk dan Kelemahan Ulama-ulamanya*" yang telah kita terjemahkan – dijadikan bersiri-siri di dalam majalah Qalam. Kemudian buku itu kita terbitkan dengan lengkap dijadikan sebuah buku yang diberi nama "*Islam Pemeluk dan Ulamanya*". Di awal hayatnya beliau menjadi seorang pejuang kerana mempertahankan kemuliaan dan kesucian Islam, dan di akhir hayatnya beliau menjadi seorang syahid Islam menghembuskan nafas terakhir di tiang gantungan... tiga kali "al-Fātiḥah" untuk roh beliau! – (Gambar dikutip dari sebuah majalah Perancis).

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah keaiban.

## Islam Di Antara Kejahilan

jalan lain untuk mengatasi *problem*

(masalah) ini selain daripada mengajar dan memimpin mereka itu untuk memahami hukum-hukum Islam dari pokok hingga ke cabang rantingnya. Semuanya ini wajib dijalankan daripada sekarang dengan cara beransur-ansur. Setiap orang Muslim hendaklah membuang perasaan malu dan ragu-ragu untuk mempelajari apa yang tidak mereka ketahui tentang hukum-hukum agama suci yang mereka anuti.

Sebagai kata saya yang terakhir di dalam masalah ini, saya meminta maaf atas kelancaran bahasa saya melemparkan tuduhan yang berupa membodoh-bodohkan golongan para intelek Islam yang berpendidikan Barat di atas kejahilan mereka tentang hukum-hukum agama yang terkandung di dalam syariat Islam. Dengan tuduhan-tuduhan tersebut bukanlah saya bermaksud untuk memperkecil-kecilkan kebolehan mereka, tetapi hanya saya menerangkan *amr al-wāqī'* (perkara yang sebenarnya). Dengan secara tulus ikhlas saya akui bahawa saya sendiri –

dahulunya – adalah termasuk di dalam golongan orang-orang yang saya kecam sekarang.

Saya sebelum mempelajari syariat Islam adalah seorang yang jahil dengan selok-belok syariat yang mulia itu, hingga Allah memberi pertunjuk kepada saya ke jalan yang baik, dan saya lekas insaf dengan kejahilan saya itu. Sekarang saya tidak senang melihat saudara-saudara saya hidup di alam kejahilan agama yang telah saya lalui. Hingga sekarang saya tidak putus-putus meminta keampunan dari dari<sup>4</sup> Tuhan dengan mengucap “*astaghfiru Allāh*” apabila saya mengenangkan zaman kejahilan saya itu.

Dengan secara jujur pula saya mengatakan bahawa tujuan saya memalingkan pandangan terhadap para ulama di seantero dunia Islam dan menuntut kepada mereka agar melakukan sesuatu demi untuk kecemerlangan masa depan seluruh kaum Muslimin, bukanlah bererti saya merendah-rendahkan kedudukan mereka, tetapi segala apa yang saya serukan ini adalah merupakan suatu nasihat yang diperintahkan oleh Islam (kerana sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulu-

llah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*Al-Dīnu al-naṣīḥah*” – bermula agama itu adalah nasihat. – P.)

Sungguhpun pengalaman yang saya dapati daripada pergaulan saya dengan para intelek Islam yang berpelajaran Barat itu, adalah menambahkan lagi pengetahuan saya untuk mengenal lebih dekat akan kecenderungan jiwa mereka di dalam jurusan mengenai hukum-hukum Islam. Kesemua pengalaman-pengalaman hidup yang telah saya tempuhi itu menambahkan kuat kepercayaan saya bahawa sebaik-baik perkara yang mendatangkan manfaat dan faedah kepada Islam ialah dengan menerangkan *ta’rīf* (erti) Islam dengan secara tegas dan luas. Kepada sekalian para ulama yang berada di seantero dunia Islam saya mengatakan: Terpujanglah kepada mereka sama ada mahu menerima pendapat saya ini, ataupun mereka enggan menerimanya.

Di akhinya saya bermohon kepada Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* akan memberikan kepada kita sekalian taufik dan hidayah-Nya demi untuk kebaikan Islam dan sekalian umat Muslimin... *Āmīn yā Rabb al-‘ālamīn*.

Tamat

### Ayat Jihad

“Janganlah engkau menyangka, bahawa orang-orang yang terbunuh (kerana berjihad) pada jalan Allah itu mereka mati, bahkan mereka itu hidup pada sisi Tuhan serta mereka mendapat rezeki. Mereka mendapat khabar suka dengan kurniaan yang dilimpahkan Allah kepada mereka, lagi mereka mendapat khabar suka dengan orang-orang yang belum mengiringi mereka (mati), iaitu tiada mereka takut dan tiada pula mereka itu berdukacita. Malahan mereka bersukacita dengan nikmat dan fadilat-Nya, Allah tidak menyia-nyiakan ganjaran pahala orang-orang yang beriman – Āli ‘Imrān – 169-

171)

<sup>4</sup> Pengulangan perkataan ‘dari’ di dalam teks.